

HERMENEUTIKA MANUSKRIP MELAYU CAMPA  
PUTERI DARI MAKKAH KE TEATER  
EKSPERIMENTAL MELAYU  
BERJUDUL ASIK

AYU AFNIZAR BINTI SAMSIR ALAM SYAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

HERMENEUTIKA MANUSKRIP MELAYU CAMPA PUTERI  
DARI MAKKAH KE TEATER EKSPERIMENTAL MELAYU  
BERJUDUL ASIK

AYU AFNIZAR BINTI SAMSIR ALAM SYAH

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
|   |
| / |
|   |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....<sup>7</sup>.....(hari bulan).....MAC..... (bulan) 20..<sup>23</sup>...

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, AYU AFNIZAR BINTI SAMSIR ALAM SYAH, M20181000974 (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk

HERMENEUTIKA MANUSKRIP MELAYU CAMPA PUTERI DARI MAKKAH  
KE TEATER EKSPERIMENTAL MELAYU BERJUDUL ASIK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. LENA FARIDA BINTI HUSSAIN CHIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HERMENEUTIKA MANUSKRIP MELAYU CAMPA PUTERI DARI MAKKAH KE TEATER EKSPERIMENTAL MELAYU BERJUDUL ASIK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17 MAC 2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HERMENEUTIKA MANUSKRIP MELAYU CAMPA PUTERI DARI MAKKAH  
KE TEATER EKSPERIMENTAL MELAYU BERJUDUL ASIK

No. Matrik / Matric's No.: M20181000974

Saya / I: AYU AFNIZAR BINTI SAMSIR ALAM SYAH  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
Dr. Lena Farid binti Hussain Chin  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Seni Persembahan  
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 17 MAC 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Segala puji-pujian dan limpahan syukur nikmat bagi Allah SWT yang memberi ilmu, kesabaran dan ketabahan juga selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda dan seluruh kaum muslimin dan muslimat. Alhamdulillah, maka lengkaplah disertasi ini seperti yang dituntut. Dalam usaha menyiapkan penulisan dari awal hingga akhir berdiri seorang penyelia, Dr Lena Farida Binti Hussain Chin yang tak pernah jemu memberikan nasihat, dorongan dan tunjuk ajar. Tiada perasaan dapat dizahir dengan kata-kata hebatnya beliau memimpin sepanjang proses pengajian.

Seterusnya, keluarga tersayang, Samsir Alam Syah dan Hadijah Abdul Wahab, ibu dan ayah yang berkorban dan selalu memberikan yang terbaik untuk anak-anaknya. Tulang belakang, suami yang dihormati, Mohd Affandi Bin Nor Bakri yang tanpa lelah memberi sokongan, semangat, masa dan tenaga sepanjang menulis dan menyiapkan projek ini.

Tak lupa juga untuk adik adik dari Peran Production yang telah sudi bekerjasama untuk menyiapkan pementasan ASIK sehingga berjaya tanpa berkira tenaga dan wang ringgit. Dedikasi ini juga ditujukan buat Kak Nadhilah, Azman, Sabiha yang tak putus-putus memberikan bantuan dan sokongan sepanjang projek persembahan ini disiapkan. Rakaman penghargaan dan dengan rendah diri juga diberikan kepada warga Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah bertungkus lumus membantu menyiapkan penulisan, proses kajian, proses pendokumentasian, projek akhir dan setiap inci perjalanan Sarjana Pengajian Persembahan ini. Semoga Allah SWT membalas segala kebaikan kalian dengan kesihatan yang berpanjangan dan rezeki melimpah ruah. Amin.





## ABSTRAK

Dewasa ini, persembahan teater di Malaysia didasari oleh naskhah-naskhah drama pentas sedia ada dari manuskrip asal yang dihasilkan daripada sumber kajian, kisah benar, mitos, legenda dan sejarah. Namun, hanya sebilangan kecil persembahan drama pentas Malaysia dihasilkan dari manuskrip klasik yang mempamerkan cerita daripada figura tempatan. Maka itu, projek ini diilhamkan untuk menghasilkan satu bentuk persembahan teater eksperimental Melayu yang diinspirasikan dari sebuah manuskrip Melayu Campa yang berjudul Puteri Dari Makkah (PDM). Proses pembinaan kajian ini memperlihatkan acuan budaya Melayu (dari manuskrip), kemudian digarap menjadi suatu bentuk eksperimentasi menerusi persembahan. Kandungan manuskrip ini dibentuk menjadi sebuah naratif persembahan berdasarkan teori Hermeneutika Martin Heidegger. Persembahan ini akan dibina berdasarkan konsep teater eksperimental Melayu. Konsep ini menggabungkan ciri-ciri teaterikal tradisional dan pasca moden dengan mengintegrasikan konsep seni warisan tradisional Melayu seperti elemen irama puisi tradisi (Nazam), gerak silat, Awang Batil, dan Mak Yong bersama elemen kontemporari yang lain. Secara umumnya elemen-elemen ini akan digarapkan dalam bentuk kompilasi lakonan, muzik, puisi dan gerak. Sebagai kajian yang dipimpin oleh praktik, saya mengaplikasikan *Project Based Research* (PBR) dengan mengaplikasikan model interaksi reka bentuk Fallman. Model ini menggambarkan kedudukan aktiviti penyelidikan reka bentuk melibatkan tiga peringkat iaitu (a) amalan reka bentuk, (b) penerokaan reka bentuk, dan (c) kajian reka bentuk. Maka itu, projek ini akan melibatkan tiga fasa iaitu pra produksi, produksi dan pasca produksi yang dimulakan pada 1 Februari 2022 dan berakhir pada 30 Jun 2022. Proses produksi selama tiga bulan ini memberikan pengalaman kepada para pemain tentang pemahaman yang lebih mendalam mengenai bentuk persembahan teater eksperimental Melayu dengan memartabatkan manuskrip klasik melalui persembahan sebagai pengetahuan pada generasi kini. Persembahan ini dipentaskan untuk menguji pengukuhan konseptual teater eksperimental Melayu sebagai genre baharu bagi memartabatkan budaya kesenian warisan kepada masyarakat.

# HERMENEUTICS OF CAMPA MALAY MANUSCRIPTS PUTERI DARI MAKKAH TO MALAY EXPERIMENTAL THEATRE TITLE ASIK

## ABSTRACT

Currently, theatre productions in Malaysia are based on existing stage play scripts derived from original manuscripts based on research, true stories, myths, legends, and history. However, only a tiny number of Malaysian theatre productions are based on traditional texts that tell the stories of local figures. Therefore, this project was motivated to create a Malay experimental theatrical performance based on the Puteri Dari Makkah Campa Malay manuscript (PDM). This study's construction method illustrates the Malay culture template (from the manuscript), which was then utilized as a basis for performance-based experimentation. The material of this document is structured as a performance narrative in accordance with Martin Heidegger's hermeneutics theory. This performance will be based on the notion of experimental Malay theatre. This concept blends traditional and postmodern theatrical components by using traditional Malay heritage art themes, such as rhythmic elements of traditional poetry (Nazam), martial arts, Awang Batil, and Mak Yong, in addition to contemporary elements. In general, these components will be developed as a collection of acting, music, poetry, and movement. I utilized Project-Based Research (PBR) by employing Fallman's design interaction paradigm for a practice-led study. This model illustrates the position of design research activities at three levels: (a) design practise, (b) design exploration, and (c) design research. This project will therefore consist of three phases, namely pre-production, production, and post-production, which will commence on February 1, 2022 and conclude on June 30, 2023. The three-month production process will enhance the actors' comprehension of the theatrical performance form. Experimental Malay, by presenting classic documents as knowledge for the contemporary generation. This performance was created to test the conceptual development of Malay experimental theatre as a new genre in an effort to elevate the heritage art culture within the community.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

**PERAKUAN** ii

**PENGHARGAAN** iii

**ABSTRAK** iv

**ABSTRACT** v

**KANDUNGAN** vi

**SENARAI JADUAL** xi

**SENARAI RAJAH** xii

**SENARAI GAMBAR** xiii

**SENARAI SINGKATAN** xv

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Inspirasi/Motivasi 2

1.2 Matlamat Penciptaan 5

1.3 Persoalan Kajian 5

1.4 Kontekstualiti Topik 7

1.4.1 Manuskrip Melayu Campa 7



|        |                              |    |
|--------|------------------------------|----|
| 1.4.2  | Teater Eksperimental         | 7  |
| 1.4.3  | Pascamodenisme               | 9  |
| 1.4.4  | Warisan                      | 9  |
| 1.4.5  | Nazam                        | 10 |
| 1.4.6  | Silat                        | 10 |
| 1.4.7  | Elemen Mak Yong              | 11 |
| 1.4.8  | Elemen Awang Batil           | 11 |
| 1.4.9  | Elemen Persembahan           | 12 |
| 1.4.10 | Project Based Research (PBR) | 14 |

|        |                                    |    |
|--------|------------------------------------|----|
| 1.4.11 | Konsep Teater Eksperimental Melayu | 16 |
|--------|------------------------------------|----|

|     |                           |    |
|-----|---------------------------|----|
| 1.5 | Imaginasi Idea Penciptaan | 17 |
|-----|---------------------------|----|

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KARYA KREATIF**

|     |                                                                  |    |
|-----|------------------------------------------------------------------|----|
| 2.1 | Kajian Literatur                                                 | 19 |
| 2.2 | Kajian-kajian Lepas Berkenaan Persembahan Teater /Kajian Kreatif | 19 |
| 2.3 | Keaslian Penciptaan                                              | 24 |
| 2.4 | Penutup                                                          | 25 |

## **BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN**

|     |                                 |    |
|-----|---------------------------------|----|
| 3.1 | Konseptualisasi Idea Penciptaan | 27 |
|-----|---------------------------------|----|

|       |                                                                              |    |
|-------|------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.1.1 | Dari Manuskrip Ke Pentas Berdasarkan Persembahan Teater Eksperimental        | 27 |
| 3.1.2 | Elemen Warisan Tradisional Yang Terdapat Dalam Persembahan Puteri Dari Mekah | 31 |
| 3.1.3 | Pembahagian Adegan Dalam Persembahan Beserta Rasional Pelaksanaan            | 35 |
| 3.1.4 | Pelaksanaan Dalam Penerapan Proses Membentuk Persembahan                     | 37 |
| 1.4.5 | Konsep Asas Penciptaan Manuskrip Tradisi Ke Eksperimental Melayu             | 39 |

## 3.2 Landasan Teori Penciptaan

|       |                                                                        |    |
|-------|------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.2.1 | Teori Hermeneutika                                                     | 48 |
| 3.2.2 | Project Based Research (PBR) oleh Fallman 2008                         | 54 |
| 3.2.3 | Gabungan Antara Teori Hermeneutika Dengan Project Based Research (PBR) | 56 |

## BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

|       |                                        |    |
|-------|----------------------------------------|----|
| 4.1   | Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan | 57 |
| 4.1.1 | Manuskrip                              | 57 |
| 4.1.2 | Skrip Pentas-ASIK                      | 58 |
| 4.1.3 | Pementasan                             | 59 |

|       |                                 |    |
|-------|---------------------------------|----|
| 4.2   | Pendekatan Penciptaan           | 59 |
| 4.2.1 | Pra Produksi                    | 59 |
| 4.2.2 | Produksi                        | 64 |
| 4.2.3 | Pasca Produksi                  | 66 |
| 4.3   | Proses Penciptaan Karya Kreatif | 66 |
| 4.2.1 | Proses Latihan                  | 67 |
| 4.2.2 | Proses Improvisasi              | 68 |

## **BAB 5 PEMBENTUKAN KARYA KREATIF**

|       |                                                                                       |    |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 5.1   | Pembentukan Karya                                                                     | 69 |
| 5.1.1 | Kajian Awal                                                                           | 70 |
| 5.1.2 | Perkembangan Idea                                                                     | 72 |
| 5.1.3 | Rakaman/Pementasan                                                                    | 81 |
| 5.1.4 | Rumusan                                                                               | 82 |
| 5.2   | Struktur Karya                                                                        | 83 |
| 5.2.1 | Struktur Naskah Nai Mai Mang Makkah                                                   | 83 |
| 5.2.2 | Struktur Persembahan ASIK Berdasarkan Project Based Research (PBR) Model Fallman 2008 | 87 |

|                                                  |                                                 |     |
|--------------------------------------------------|-------------------------------------------------|-----|
| 5.2.3                                            | Struktur Pementasan ASIK                        | 92  |
| 5.2.4                                            | Komposisi Pengarahan ASIK                       | 108 |
| 5.2.5                                            | Kesimpulan Dan Justifikasi Konsep Eksperimental | 130 |
| 5.3                                              | Program Persembahan                             | 132 |
| <br><b>BAB 6            REFLEKSI DAN RUMUSAN</b> |                                                 |     |
| 6.1                                              | Refleksi                                        | 137 |
| 6.2                                              | Rumusan                                         | 140 |

## RUJUKAN

?

## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                   | Muka Surat |
|------------|-------------------------------------------------------------------|------------|
| 2.1        | Perbezaan Manuskrip Asal Dengan Karya Persembahan                 | 24         |
| 3.1        | Pembahagian Adegan Dalam Persembahan Beserta Rasional Pelaksanaan | 35         |
| 3.2        | Elemen Dan Bentuk Persembahan                                     | 37         |
| 5.1        | Pembentukan Karya Kreatif ASIK                                    | 70         |
| 5.2        | Komposisi Pengarahan ASIK                                         | 106        |
| 5.3        | Program Persembahan                                               | 130        |
|            | 5.3.1 Rakaman Pementasan                                          | 131        |
|            | 5.3.2 Pementasan                                                  | 132        |



**SENARAI RAJAH**

| <b>No. Rajah</b> |                                                                           | <b>Muka Surat</b> |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.1              | Konsep Asas Dalam Penghasilan Karya                                       | 18                |
| 3.1              | Susunan Ruang Lakonan Dan Persembahan                                     | 45                |
| 3.2              | Teori Hermeneutika Martin Heidegger                                       | 52                |
| 3.3              | Aplikasi Teori Hermeneutika Martin Heidegger Dalam Nai<br>Mai Mang Makkah | 53                |
| 3.4              | Model Fallman 2008                                                        | 54                |
| 4.1              | Rumusan Proses Interpretasi                                               | 60                |
| 5.1              | Perkembangan Idea Susunan Ruang Lakon dan Persembahan                     | 75                |
| 5.2              | Proses Penyampaian Makna Kepada Pengkarya dan<br>Penonton                 | 87                |





## SENARAI GAMBAR

| No. Rajah                                                                          | Muka Surat |
|------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 5.1 Aplikasi Topeng Awang Batil                                                    | 78         |
| 5.2 Aplikasi Topeng Glow In The Dark                                               | 78         |
| 5.3 Pemakaian Di Kedua Bahagian Depan Dan Belakang Muka                            | 79         |
| 5.4 Putera Harek Kah Menggunakan Rotan Beraf Untuk Menzahirkan Emosi Dalam Lakonan | 80         |
| 5.5 Korus Menanti Ketibaaf Tuan Puteri                                             | 95         |
| 5.6 Bentuk Layar Kapal Tuan Puteri                                                 | 96         |
| 5.7 Korus Dalam Kuda Meringkik Dan Sedia Untuk Berlari                             | 96         |
| 5.8 Komposisi Pengarahaf Dalam Meletakkan Level Pelakon                            | 96         |
| 5.9 Kemunculan Tuan Puteri Dari Tengah Panggung                                    | 97         |
| 5.10 Nyanyian Lagu Sedayung Mak Yong oleh Encik Hanif Nasir                        | 98         |
| 5.11 Korus Menggerakkan Tarian Sedayung Mak Yong                                   | 98         |
| 5.12 Adegan Silat Dalam Pementasan ASIK                                            | 100        |
| 5.13 Adegan Silat Dalam Pementasan ASIK                                            | 100        |
| 5.14 Puteri Diarak Menaiki Tandu                                                   | 103        |
| 5.15 Puteri Diarak Menaiki Tandu                                                   | 103        |
| 5.16 Korus Menggerakkan Lagu Mengulik                                              | 104        |
| 5.18 Korus Menggerakkan Lagu Mengulik                                              | 104        |
| 5.19 Komposisi Korus Dalam Kalangan Penonton                                       | 105        |
| 5.20 Komposisi Korus Dalam Kalangan Penonton                                       | 105        |



## SENARAI SINGKATAN

|             |                                 |
|-------------|---------------------------------|
| <b>JKKN</b> | Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian |
| <b>NMMM</b> | Nai Mai Mang Makkah             |
| <b>PDM</b>  | Puteri Dari Mekah               |

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1. Pengenalan**

Karya berbentuk persembahan sememangnya begitu popular sejak zaman Greek dan Yunani lagi. Ia merupakan satu bentuk hiburan dan medium untuk masyarakat dahulu untuk menyatakan idea dan buah fikiran untuk diketengahkan untuk tontonan masyarakat umum. Karya-karya yang terhasil merupakan karya yang diadaptasi daripada perkara yang berlaku dalam realiti kehidupan manusia. Mereka mencipta skrip persembahan yang memiliki nilai estetik dan estetika untuk diketengahkan dalam tontonan masyarakat setempat.



## 1.1 Inspirasi dan Motivasi

Dalam usaha untuk melakukan sesebuah persembahan proses interpretasi dilakukan oleh seseorang dengan menggunakan suatu kreativiti dalam mencipta suatu konsep baharu dengan mengekalkan idea dan cerita lama untuk disesuaikan dalam gaya persembahan dini. Proses interpretasi ini dilakukan dengan menggunakan pelbagai bahan sama ada dalam bentuk cerita lisan, bertulis, bahan visual, video dan sebagainya untuk diterjemahkan kepada bentuk baharu. Dalam melaksanakan proses interpretasi terdapat pelbagai aspek yang perlu diberikan perhatian. Sehubungan dengan itu, dalam konteks dunia persembahan adaptasi melibatkan proses pemindahan maklumat daripada pelbagai bentuk sama ada bertulis, bergambar, video, lisan kepada bentuk



Pengkarya sangat menginspirasi karya dari Dr Norzizi Zulkifli dalam menyiapkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Seni, Bahasa Inggeris dan Media di University of Wollongong, Australia. Beliau telah mengadaptasikan sebuah karya barat – *The Tempest* iaitu *Throne of Thorns* dengan mengadun elemen persembahan Tradisional Mak Yong. Menariknya, persembahan ini dilakukan oleh 10 orang pelajar jurusan seni di universiti yang sama. Memandang dari sudut penggarapan elemen tradisional itulah, pengkarya mendapat idea untuk mengangkat naskhah Melayu Campa untuk dieksperimentalkan.

Berbeza dengan karya Dr Norzizi Zulkifli, pengkarya menggunakan manuskrip yang berjudul *Nai Mai Mang Makkah: Puteri Dari Mekah* (PDM) dari Manuskrip





Melayu Campa Ke Teater Eksperimental Melayu. Manuskrip Melayu Campa kaya dengan nilai kemelayuan yang tinggi, ia bukan hanya menyajikan kekayaan nilai budaya yang unggul tetapi kepada nilai kemanusiaan yang tinggi dan bernilai sejagat. Manuskrip ini kaya dengan nilai-nilai kemelayuan di dalamnya ia dapat dilihat menerusi cerita yang disampaikan, watak dan perwatakan, plot, latar belakang cerita, pengisian cerita dan lain-lainnya. Berbanding dengan *Throne of Thorns*, yang hanya menggunakan elemen Mak Yong dalam keseluruhan cerita manakala pengkarya akan menggarap pelbagai elemen Melayu tradisi dalam manuskrip ini. Lebih elemen dan pastinya lebih kompleks.

Persembahan merangkumkan pelbagai elemen warisan Tradisional Melayu dalam menyampaikan mesej kepada penonton. Apabila melihat pelbagai karya klasik dijadikan dalam bentuk persembahan pengkarya mula berfikir, kenapa tidak Manuskrip Melayu Campa: Nai Mai Mang Makkah ini diangkat seperti karya agung atau klasik yang lain?

Manuskrip ini wajar diketengahkan sebagai satu bentuk persembahan yang dapat meningkatkan lagi kreativiti secara akademik dan bukan hanya sekadar cerita rekaan fiksi. Ini kerana manuskrip ini menunjukkan kekayaan nilai-nilai kemelayuan yang harus ditonjolkan dan didedahkan dalam bentuk persembahan untuk tontonan umum. Persembahan ini menjadi dorongan dan rujukan para pengkarya akan datang untuk menghasilkan karya-karya persembahan yang bermutu diinspirasi daripada rujukan manuskrip klasik Melayu.





Fazilah Husin (2007) menyatakan bahawa proses interpretasi dan transformasi karya ini sebenarnya dilakukan agar masyarakat tempatan lebih menghargai hasil karya-karya tempatan yang memiliki suatu nilai yang tinggi bukan sahaja kepada ilmu pengetahuan tetapi juga ketinggian nilai ketamadunan dan peradaban yang ada dalam cerita yang disampaikan. Oleh itu, adalah signifikan untuk melakukan proses pengadaptasian ini sebagai usaha untuk memperkayakan konteks persembahan yang diadun daripada karya-karya yang terdiri daripada pelbagai genre.

Kewujudan manuskrip ini merealisasikan persembahan yang menyerlahkan nilai persembahan dalam manuskrip tersebut. Ini kerana ia membantu dalam menghasilkan sebuah persembahan yang menarik yang dapat memberikan suatu hasil persembahan yang bermutu. Proses ini memerlukan daya dan upaya pemikiran yang tinggi untuk menyesuaikan dengan gaya suatu persembahan berdasarkan konsep persembahan yang ingin dipaparkan.

Keperluan interpretasi adalah untuk meningkatkan kreativiti dan produktiviti yang dapat meningkatkan mutu dan kualiti hasil sesebuah karya agar ia mempunyai suatu nilai yang dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Dalam konteks kajian ini ia lebih kepada usaha untuk meningkatkan keberhasilan dalam persembahan yang mempunyai nilai estetik dan mutu dalam karya dihasilkan. Nilai estetika ini merupakan suatu keindahan yang berlaku dalam dimensi intrinsik dan ekstrinsik. Jika dikaitkan dalam konteks persembahan, adaptasi ini membolehkan pelakon melakonkan watak dengan menghubungkan suatu cerita dengan cerita yang lainnya. Melalui proses adaptasi para pelakon dapat melakukan improvisasi untuk mencapai matlamat dalam sesebuah persembahan.







## 1.2 Matlamat Penciptaan

Matlamat dalam penciptaan ini adalah bertujuan untuk menghasilkan sebuah persembahan daripada manuskrip ke layar pentas berdasarkan kepada konsep persembahan iaitu dengan menggunakan konsep eksperimental Melayu. Berdasarkan kepada kenyataan ini, pengkarya menghasilkan sebuah skrip adaptasi daripada manuskrip klasik.

i) Mengadaptasi dan menyesuaikan dengan gaya persembahan eksperimental Melayu berdasarkan kerangka teori Hermenutika Martin

Heidegger.

ii) Mengaplikasikan elemen warisan tradisional Melayu tradisi dalam menzahirkan sebuah persembahan eksperimental bertujuan untuk memperdalamkan falsafah dan pemikiran yang cuba disampaikan dalam karya.

Maka dengan itu, ia dapat menepati konsep keperluan persembahan kepada khalayak penonton. Maka inilah kekuatan dan keistimewaan dalam persembahan yang akan dihasilkan kelak.

### 1.3 Persoalan Kajian dan Objektif Penciptaan

#### Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah penerapan konsep persembahan teater eksperimental Melayu dalam persembahan PDM?
- ii. Bagaimanakah interpretasi penerokaan bentuk teater eksperimental Melayu PDM?
- iii. Bagaimanakah teknik dan kaedah yang digunakan untuk merealisasikan pementasan teater eksperimental Melayu PDM?

#### Objektif Penciptaan

Dalam melaksanakan projek persembahan akhir ini, beberapa objektif telah dibangunkan bagi memberi panduan kepada pengkarya dalam menghasilkan projek tersebut. Berikut merupakan objektif projek persembahan akhir ini:

- i. Mengaplikasikan konsep elemen warisan tradisional Melayu dalam menginterpretasikan penerokaan bentuk teater eksperimental Melayu PDM menerusi proses kreatif model Fallman.
- ii. Mempersembahkan teknik dan kaedah eksperimental untuk merealisasikan pementasan teater eksperimental Melayu berasaskan elemen terpilih.

- iii. Menerapkan gabungan konsep elemen warisan tradisional Melayu dalam menghasilkan sebuah persembahan teater eksperimental PDM menerusi pendekatan hermeneutika semasa proses penciptaan berlangsung.

Objektif penciptaan yang dinyatakan di atas akan menjadi panduan dan pegangan pengkarya agar tidak tersimpang daripada tujuan penciptaan asal penciptaan. Setiap aspek yang dibangkitkan dalam objektif penciptaan dan persoalan kajian akan dijawab semasa proses pengkaryaan dilakukan bermula dengan pra-produksi, produksi dan pasca-produksi.

#### 1.4 Kontekstualisasi Topik

Dalam kajian ini, kontekstualisasi dilakukan dengan mengekalkan tema dan persoalan yang cuba disampaikan. Maka dengan itu, elemen tradisi disesuaikan dengan elemen kontemporari dengan menyeimbangkan gaya persembahan agar ia lebih bersifat harmoni. Kajian ini bertujuan menyerlahkan budaya tradisi dalam manuskrip ke dalam bentuk persembahan pasca moden. Maka dengan itu, penjanaan interpretasi merupakan suatu perkara yang amat penting dalam mewujudkan gaya persembahan baharu yang lebih menarik dan dapat menarik perhatian penonton menerusi bentuk persembahan yang cuba disampaikan melalui cerita.

##### 1.4.1 Manuskrip Melayu Campa



Manuskrip Melayu campa merupakan sebuah kumpulan manuskrip yang mengandungi pelbagai cerita-cerita yang berkenaan dunia kemelayuan. Cerita-cerita dalam manuskrip ini memiliki pelbagai sudut pandangan, ilmu pengetahuan berkenaan dengan dunia Melayu.

#### 1.4.2 Teater Eksperimental

Teater eksperimental boleh didefinisikan sebagai persembahan karya inovatif dan pengembangan konsep dan teknik baru dalam penghasilan pentas. Kepentingan teater eksperimental dilihat sebagai dorongan para pengarah untuk menggerakkan masyarakat, atau penonton kita setidaknya, mengubah sikap, nilai, dan kepercayaan mereka terhadap sesuatu isu dan melakukan sesuatu mengenainya. Istilah teater eksperimental juga sering bersaing dengan istilah seperti teater *avant-garde*, teater makmal, bahkan teater moden kerana semuanya merujuk kepada penentangan terhadap teater komersial yang tujuan utamanya untuk mengaut keuntungan kewangan berdasarkan formula nilai artistik yang diyakini seperti mementaskan teater yang sudah terkenal (dari naskhah drama terkenal).

Definisi teater eksperimental melebihi makna genre atau gerakan bersejarah, malah penghasilannya merujuk kepada sikap artis terhadap tradisi, institusi, dan operasi komersial (Pavis, P, 1998). Teater Eksperimental merupakan teater hasil gabungan daripada elemen tradisi dengan kontemporari. Teater kontemporari ini menggunakan pelbagai kreativiti bermula daripada kreativiti dalam bahasa dan pengolahan cerita, teknik lakonan dan garapan cerita secara keseluruhannya ke arah membentuk sebuah hasil persembahan baharu.





Dalam kajian Fazilah Husin (2007) telah mendapati bahawa terdapat perkembangan yang aktif dan dinamik berkenaan teater eksperimental yang telah berjaya dihasilkan oleh penggiat teater Melayu. Beliau mendapati dalam penelitiannya, terdapat pelbagai variasi persembahan yang menekankan konsep persembahan teater eksperimental Melayu. Hasil kajian beliau menunjukkan teks-teks dramatik teater eksperimental Melayu yang dihasilkan dalam dua dekad ini, telah menggunakan pelbagai gaya dan pendekatan dalam menyusun dan mengolah aspek dramatik dan naratif. Gaya dan pendekatan yang dapat dikenal pasti termasuklah penerapan elemen seni persembahan Melayu yang memperlihatkan gabungan bentuk dan gaya bahasa moden serta tradisional, dan pengaruh aliran teater eksperimental. Ini menunjukkan terserlah kehebatan pengkarya dalam mengolah naratif-naratif yang ada dalam sesebuah karya untuk meningkatkan kualiti dan mutu dalam persembahan yang lebih menyerlahkan elemen kemelayuan dalam karya.

### 1.4.3 Pascamodenisme

Pascamodenisme merupakan istilah yang digunakan bagi menerangkan kehidupan selepas moden. Dalam dunia pascamodenisme pelbagai variasi pembaharuan yang dilakukan sama ada dalam pengisian, teori, konsep, model, pendekatan, teknik untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti dalam sesebuah persembahan.

### 1.4.4 Warisan





Warisan merupakan tinggalan tradisi sama ada berbentuk kebendaan dan bukan kebendaan. Dalam konteks kertas kerja ini, warisan merujuk kepada tinggalan manuskrip Melayu Campa yang diwarisi oleh masyarakat Melayu. Manuskrip ini kaya dengan pelbagai kiasan kehidupan sosial masyarakat Melayu yang memiliki unsur kesejagatan dan nilai peradaban yang menjadi bukti ketinggian dan keunggulan kehidupan masyarakat Melayu.

#### 1.4.5 Nazam

Nazam merupakan sejenis puisi tradisi Melayu yang mengandungi susunan rima dan struktur bahasa. Biasanya nazam ini disampaikan dengan menggunakan kaedah nyanyian. Nazam digunakan untuk menyampaikan khabar dan mesej berkenaan dengan masyarakat Melayu. Ia mengandungi pelbagai nilai murni. Menurut Zurinah Hassan (2012), lagu nazam berbeza dari syair. Syair mempunyai bentuk irama yang panjang, bernada melankolik, mendayu, meninggi, dan beralun. Irama nazam lebih rancak dan temponya cepat. Lagu nazam lebih mudah dan tidak memiliki aras nada yang terlalu tinggi atau terlalu rendah yang mencabar kemampuan seorang penyampai.

#### 1.4.6 Silat

Silat Melayu adalah seni pertahanan diri daripada dunia Melayu, yang menggunakan langkah-langkah dan jurus yakni pergerakan untuk menangkis atau menyerang, sama ada dengan atau tanpa senjata. Silat menelusuri asal usulnya pada zaman awal peradaban Melayu, dan sejak itu berkembang menjadi tradisi latihan fizikal dan kerohanian yang baik yang merangkumi aspek pakaian tradisional Melayu, seni pertunjukan dan adat. Asas falsafah Silat Melayu moden banyak didasarkan pada





kerohanian Islam. Pergerakan dan bentuknya berakar dari dasar gerakan Silat yang disebut Bunga Silat, dan persembahan Silat biasanya disertai dengan alat gendang Melayu. Dalam kehidupan masyarakat Melayu silat merupakan antara warisan tradisional yang memiliki pelbagai ilmu pengetahuan dan makna bagi setiap gerak selain ia bertujuan untuk melindungi diri.

#### **1.4.7 Elemen Mak Yong**

Elemen Mak Yong merupakan seni persembahan dalam tarian yang mengandungi gerakan, alatan muzik, kostum dan busana persembahan. Daripada segi gerak Mak Yong, ia mempersembahkan gerakan-gerakan yang bermakna dalam tarian Melayu. Dalam konteks persembahan tarian Mak Yong, persembahan elemen kemelayuan yang menjadi dasar dan inti dalam masukkan dan kekuatan dalam tarian ini. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, masukkan elemen-elemen Mak Yong dalam persembahan akan memperkuat garapan dan nilai kemelayuan dalam persembahan kelak.

#### **1.4.8 Elemen Awang Batil**

Awang Batil dikenali sebagai penglipurlara yang hanya berasal di negeri Perlis. Awang Batil pada awalnya dikenali sebagai 'Awang Belanga' kerana menggunakan belanga sebagai muzik iringannya. Tapi, disebabkan belanga sentiasa dipenuhi arang, maka ia digantikan dengan batil, iaitu yakni bekas air yang diperbuat daripada tembaga. Awang Batil sentiasa memenuhi permintaan untuk menghiburkan orang ramai dengan jenaka dan cerita rakyatnya. Jadi, dalam projek ini pengkarya akan mengambil elemen topeng





Awang Batil yang akan dipakaikan kepada pelakon dengan bertujuan untuk bercerita kepada penonton naratif karya pementasan.

#### 1.4.9 Elemen Persembahan

Elemen persembahan merupakan ciri-ciri yang ada dalam sesebuah persembahan yang dihasilkan oleh seseorang pengarang. Antara yang bersifat teori seperti penggunaan puisi, teknik pengolahan bahasa, penggunaan dan penerapan teori, model, konsep, kerangka pemikiran untuk menghasilkan sebuah persembahan baharu. Dalam konteks praktikal pula, dengan masukkan watak, gerak, muzik dan sebagainya sebagai pelengkap yang dapat menyokong sesebuah cerita yang dilakonkan.



kerangka konsep di bawah ini.

##### **Elemen Mak Yong**

- Muzik
- Gerak
- Lagu

##### **Elemen Puisi Tradisi**

- Irama Nazam

##### **Elemen Silat**

- Gerak atas, tengah dan bawah

##### **Elemen Awang Batil**

- Topeng

**Digabungkan  
dan dijalinan  
dengan penciptaan  
kontemporari bagi  
menghasilkan  
sebuah  
experimentasi**







Justifikasi penggunaan keempat-empat elemen persembahan iaitu elemen Mak Yong, Puisi Warisan Tradisi, Silat dan Awang Batil adalah untuk meningkatkan kesan estetika dalam persembahan ini. Maka dengan itu, pengkarya harus menggabungkan kesemua elemen ini, setelah melalui proses interpretasi.

Sehubungan dengan itu, yang disebutkan ini berupaya menyokong dan mengukuhkan matlamat dalam untuk menyerlahkan estetika kemelayuan dalam persembahan ini dalam bentuk kontemporari dan disampaikan secara eksperimental. Keperluan interpretasi adalah untuk meningkatkan kreativiti dan produktiviti yang dapat meningkatkan mutu dan kualiti hasil sesebuah karya agar ia mempunyai suatu nilai yang dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat.



keberhasilan dalam persembahan yang mempunyai nilai estetik dan mutu dalam karya dihasilkan. Nilai estetika ini merupakan suatu keindahan yang berlaku dalam dimensi intrinsik dan ekstrinsik. Jika dikaitkan dalam konteks persembahan, adaptasi ini membolehkan pelakon melakonkan watak dengan menghubungkan suatu cerita dengan cerita yang lainnya. Melalui proses adaptasi para pelakon dapat melakukan improvisasi untuk mencapai matlamat dalam sesebuah persembahan.

#### 1.4.10 *Project Based Research (PBR)*

*Project Based Research/Practice Based Research (PBR)* merupakan sebuah penyelidikan ang dijalankan untuk mendapatkan pengetahuan yang baharu dengan penemuan perkara baharu. Keaslian dan pengetahuan terhadap sesuatu perkara itu





terhasil dalam pelbagai bentuk antaranya reka bentuk, muzik, media digital, persembahan dan juga pameran.

Dikenali dengan pelbagai istilah, penyelidikan utama ialah rangka kerja konseptual yang membolehkan penyelidik menggabungkan amalan kreatif, kaedah kreatif dan output kreatif mereka ke dalam reka bentuk penyelidikan dan sebagai sebahagian daripada hasil penyelidikan.

Smith dan Dean (2009) menyatakan bahawa penyelidikan yang diterajui oleh amalan timbul daripada dua idea yang berkaitan. Pertama, "kerja kreatif itu sendiri adalah satu bentuk penyelidikan dan menjana output penyelidikan yang boleh dikesan. Hasil kerja kreatif itu sendiri menyumbang kepada hasil proses penyelidikan dan menyumbang kepada jawapan soalan kajian. Kedua, amalan kreatif iaitu latihan dan pengetahuan khusus yang dimiliki oleh pengamal kreatif dan proses yang mereka lakukan semasa mereka membuat seni boleh membawa kepada pandangan penyelidikan khusus yang kemudiannya boleh digeneralisasikan dan ditulis sebagai penyelidikan.

Maksud Smith dan Dean di sini ialah kandungan dan proses amalan kreatif menjana pengetahuan dan inovasi yang berbeza, tetapi saling melengkapi dengan, gaya dan kaedah penyelidikan lain. Projek penyelidikan yang diterajui oleh amalan dilaksanakan merentasi semua disiplin kreatif dan pendekatan ini sangat fleksibel dalam pelaksanaannya dapat menggabungkan pelbagai metodologi dan kaedah dalam batasan yang tersendiri.



Tumpuan utama PBR ini adalah tentang konsep asas dalam konteks yang ditentukan oleh teks namun pemahaman penuh diperoleh secara keseluruhan hasil kajian. Penilaian atau analisis kritikal ini bukan saja menjelaskan tujuan mencari keaslian dan lokasi karya asal namun, ia juga mengemukakan asas untuk dipertimbangkan sama ada keperluan umum ilmiah ini dapat dipenuhi.

Menurut Monica Szewczyk (2005), menyatakan bahawa dalam teks, keterbukaan, ketidakpastian, dan pendedahan makna inilah yang meletakkan sesebuah karya sebagai satu tindakan berpotensi yang membolehkan kita menyiasat dan mencipta model baharu untuk berfikir dan menjalankan penyelidikan. Pengkarya merasakan PBR dengan mengaplikasikan Model Fallman 2008 adalah sangat sesuai untuk menjalankan sebuah penyelidikan berdasarkan pemahaman naskhah atau manuskrip Campa: Nai Mai Mang Makkah dan menghasilkan sebuah bentuk persembahan yang baharu.

#### **1.4.11 Konsep Teater Eksperimental Melayu**

Hasil kajian Fazilah Husin (2007) mendapati teks-teks dramatik teater eksperimental Melayu yang dihasilkan dalam dua dekad ini, telah menggunakan pelbagai gaya dan pendekatan dalam menyusun dan mengolah aspek dramatik dan naratif. Gaya dan pendekatan yang dapat dikenal pasti termasuklah penerapan elemen seni persembahan Melayu, gabungan bentuk dan gaya bahasa moden serta tradisional, dan pengaruh aliran teater eksperimental. Oleh itu, konsep teater eksperimental Melayu yang akan dilaksanakan akan melalui proses interpretasi daripada manuskrip PDM kepada persembahan dengan mengintegrasikan elemen silat, Mak Yong, dan puisi tradisi meliputi irama nazam dan syair rakis.

Kesemua elemen ini digabungkan menggunakan prinsipal *pastiche* melibatkan naskhah, lakonan, artistik, muzik, atau sinografi yang meniru gaya sebelumnya bertujuan membentuk teater eksperimental (bentuk baharu) untuk mempersembahkan ontologi pemikiran dalam manuskrip PDM dengan gaya persembahan terbaharu yang lebih bersifat eksperimental Melayu. *Pastiche* bermaksud menggabungkan, atau "menampal" bersama, pelbagai elemen.


Dalam aliran pasca moden (eksperimental) ini dapat menjadi penghormatan kepada gaya masa lalu. Ini dapat dilihat sebagai representasi daripada aspek pluralistik atau informasi yang digarap dalam persembahan ini. Hal ini ditunjukkan dengan gabungan pelbagai genre untuk membuat persembahan yang unik sebagai usaha untuk mempamerkan situasi dalam konteks eksperimental di bawah payung besar pasca moden. Selain elemen-elemen ini, pembahagian ruang juga tidak terikat dengan prosenium. Persembahan dijangka berlangsung dalam ruang arena (jika dipentaskan di panggung mahupun secara *environmental*).

Fragmentasi bermaksud aspek penting lain dalam karya pascamodenisme yang melibatkan elemen dalam plot, watak, tema, citra dan rujukan fakta di pecah-pecah dan tersebar di seluruh karya. Di sinilah persembahan akan digarap dengan elemen-elemen terpilih diperlihatkan secara visual.

## 1.5 Imaginasi Idea Penciptaan

### Imaginasi Idea Penciptaan

Bentuk persembahan menarik dengan gabungan elemen tradisional dan kontemporari. Dari manuskrip Campa ia mempunyai kelebihan dalam konteks cerita yang sarat dengan elemen kemelayuan yang seharusnya ditonjolkan dalam dunia teater dan persembahan pada masa kini. Memandangkan tidak banyak teks klasik yang dipersembahkan dalam persembahan di atas pentas.



Rajah 1.1. Konsep Asas Dalam Penghasilan Karya

Menerusi maklumat di atas memberikan gambaran berkenaan dengan konsep-konsep asas dalam penghasilan teater eksperimental Melayu. Ia terdiri daripada elemen konsep, idea dan tema, cara persembahan, penstrukturan semula cerita, watak dan perwatakan. Kesemua perkara ini diambil kira dalam memastikan elemen dasar dalam penciptaan teater eksperimental Melayu dapat direalisasikan.